

PEMBERITAHUAN BERHUBUNG PEMBAYARAN BALIK GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) masih bertanggungjawab memproses tuntutan pembayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) selaras Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018. Walaubagaimanapun, tuntutan pembayaran balik GST tertakluk kepada proses penentusahan.

Untuk memastikan pembayaran balik GST dapat dibuat dalam masa yang lebih singkat terutamanya dalam tempoh semasa/post Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, beberapa pendekatan akan dilaksanakan melalui pendekatan "*bayar dahulu dan audit kemudian bagi syarikat terpilih*"

1) Tuntutan Pembayaran balik GST bernilai kurang RM100,000

Semua tuntutan yang terlibat tertakluk kepada penentusahan dan melepasi proses verifikasi (*desk review*). Walaubagaimanapun, syarikat atau penuntut masih terikat kepada proses auditan pada bila-bila masa dalam tempoh masa 6 tahun selepas 1 September 2018.

2) Tuntutan Pembayaran balik GST bernilai RM100,000.00 dan ke atas.

Semua tuntutan GST akan melalui proses penarafan risiko. Sekiranya tuntutan melepasi penarafan risiko dan proses verifikasi (*desk review*), pembayaran balik GST akan dibuat sepenuhnya. Syarikat atau penuntut masih terikat kepada proses auditan pada bila-bila masa dalam tempoh masa 6 tahun.

Sekiranya tuntutan tidak melepasi penarafan risiko, pembayaran balik GST tidak akan dibuat sehinggalah auditan penuh (*field audit*) dilaksanakan. Walaubagaimanapun, bagi membantu meringankan aliran tunai syarikat dan juga memastikan kepentingan hasil negara terjamin, pembayaran balik GST sepenuhnya boleh dibuat apabila syarat-syarat berikut dipenuhi:

- i. Melepasi saringan awal melalui verifikasi (*desk review*); dan
- ii. Satu akujanji daripada pengarah syarikat tentang maklumat yang diberikan adalah betul dan berjanji akan membayar apa-apa kekurangan hasil (cukai dan penalti); dan
- iii. Mengemukakan jaminan bank (BG) pada kadar 10% dari jumlah pembayaran balik GST yang tertunggak pada 01 Januari 2019.

Pengauditan penuh (*field audit*) akan dijalankan ke atas syarikat dan pemulangan jaminan bank (BG) akan dibuat setelah auditan mengesahkan tiada berlaku kekurangan hasil cukai yang terlibat.

Syarikat-syarikat yang masih belum menerima tuntutan pembayaran balik GST, boleh membuat semakan dalam sistem *Taxpayer Access Point (TAP)* atau menghubungi pejabat kastam terdekat untuk mengetahui status kedudukan tuntutan GST dan juga sebarang maklumat lanjut yang diperlukan oleh JKDM.